



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: JBNS(A):100-4/10 Vol.(2)( 71 )

Tarikh : 25 Julai 2017

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 11 TAHUN 2017  
SISTEM POL MESTI DIGUNAKAN UNTUK SEMUA KENDERAAN DAN  
JENTERA YANG MENGAMBIL MINYAK DAN PELINCIR DI STESEN  
PAM MINYAK JKR DAERAH BEAUFORT, KUALA PENYU DAN  
KUNAK MULAI 01 OGOS 2017.**

### 1. TUJUAN

Surat pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan tentang kemestian menggunakan Sistem POL untuk semua kenderaan dan jentera yang perlu mendapatkan bekalan minyak dan pelincir di **Stesen Pam minyak JKR Daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Kunak** berkuatkuasa **01 Ogos 2017**.

### 2. LATARBELAKANG

- 2.1 Dua surat pekeliling dari Jabatan Bendahari Negeri Bil.12 Tahun 2016 dan Bil.17 Tahun 2016 telah diedarkan sebelum ini untuk menguatkuasakan pelaksanaan Sistem POL.
- 2.2 Stesen Pam minyak JKR Daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Kunak kini telah dipasang dengan sistem pam digital dan sudah beroperasi sepenuhnya untuk menampung pengambilan minyak dan pelincir melalui Sistem POL.

.../2-



**3. KEMESTIAN MENGGUNAKAN SISTEM POL UNTUK PENGAMBILAN MINYAK DAN PELINCIR DI STESEN PAM MINYAK JKR DAERAH BEAUFORT, KUALA PENYU DAN KUNAK MULAI 01 OGOS 2017.**

- 3.1 Semua kenderaan dan jentera yang perlu mendapatkan bekalan minyak dan pelincir di Stesen Pam minyak JKR Dearah Beaufort, Kuala Penyu dan Kunak dimestikan menggunakan Sistem POL.
- 3.2 Semua kenderaan dan jentera yang berpusat di Daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Kunak mesti didaftarkan dalam Sistem POL untuk membolehkan pengambilan minyak dan pelincir di Stesen Pam minyak JKR daerah tersebut.
- 3.3 Semua kenderaan dan jentera yang berpusat di luar Daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Kunak jika ada keperluan mendapatkan bekalan minyak dan pelincir di Stesen Pam minyak JKR Daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Kunak perlu didaftarkan dalam Sistem POL.
- 3.4 Semua kenderaan dan jentera yang tidak didaftarkan dalam Sistem POL tidak dibenarkan mengambil minyak dan pelincir di Stesen Pam minyak JKR Daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Kunak.

**4. TANGGUNGJAWAB PIHAK JABATAN KERJA RAYA**

Pihak Jabatan Kerja Raya adalah bertanggungjawab untuk memastikan bekalan minyak dan pelincir tidak dibekalkan kepada kenderaan dan jentera yang tidak menggunakan Sistem POL untuk pengambilan minyak dan pelincir di Stesen Pam minyak JKR Daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Kunak mulai **01 Ogos 2017**.

**5. PENGAMBILAN MINYAK DAN PELINCIR DI STESEN PAM MINYAK BUKAN MILIK KERAJAAN NEGERI**

Kementerian/ Jabatan/ Pejabat Daerah yang membenarkan pemandu mengambil bekalan minyak dan pelincir dari Stesen Pam minyak bukan milik Kerajaan Negeri seperti di stesen pam minyak Petronas, Shell, Petron dan sebagainya diingatkan bahawa bayaran balik perbelanjaan tidak akan dibenarkan kecuali dengan justifikasi yang kukuh.

**6. TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 12 Tahun 2016 bertarikh 11 November 2016 dan Bil. 17 Tahun 2016 bertarikh 05 Disember 2016.

**7. PERTANYAAN**

7.1 Sebarang pertanyaan berhubung dengan pelaksanaan pekeling ini hendaklah berhubung dengan Penolong Bendahari Negeri/ Akauntan Kanan/ Akauntan di Bahagian Pengurusan Akaun Awam, Jabatan Bendahari Negeri.

7.2 Pertanyaan berkaitan operasi Sistem POL boleh dikemukakan terus kepada Encik Timothy Boyou [Timothy.Boyou@sabah.gov.my]

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**

  
**(CHUI NGET NGO)**  
**Bendahari Negeri**

s.k Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
**88400 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit Negeri Sabah  
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah  
Blok A, Aras 4  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS-Sulaman, Beg Berkunci No. 2021  
**88450 KOTA KINABALU**

Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Bangunan KPI  
**88582 KOTA KINABALU**

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Tingkat 7, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
**KOTA KINABALU**